

SKEMA TAAKULAN AKHLAK PELAJAR MELAYU

Dr. Aswati Hamzah

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;

E-mel: aswati@usm.my; **Tel:** 04-653 4601; **Faks:** 04-653 2124;

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia

Kertas kerja ini adalah hasil kajian deskriptif eksploratori untuk mengumpulkan maklumat berkaitan pembinaan struktur pengetahuan (skema) taakulan akhlak pelajar Melayu. Pembentukan skema taakulan akhlak pelajar dijelaskan menggunakan pendekatan sains kognitif yang disepadukan dengan pendekatan psikologi Islam. Maklumat diperoleh melalui kaedah temubual serta interpretasi terhadap respons pelajar dalam beberapa ujian yang dibina berasaskan konsep ad-Din, Islam sebagai cara hidup iaitu Ujian Orientasi Agama (UOK), Ujian Sikap dan Pegangan Terhadap Standard Kelaziman Sosial Orang Melayu (USPSK) dan Ujian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak Pelajar Melayu (UPSTA). Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat jenis skema taakulan akhlak yang terbentuk ketika pelajar membuat pertimbangan yang berkaitan akhlak dalam menyelesaikan masalah yang diberikan. Skema taakulan yang dihasilkan adalah skema taakulan istiqamah, skema taakulan berpengetahuan taqlid, skema taakulan taqlid dan kema taakulan taqlid dekaden. Kesemua skema taakulan tersebut menunjukkan ciri yang berbeza daripada skema taakulan yang terbentuk dalam kajian-kajian skema taakulan moral di barat. Analisis terhadap data kuantitatif dan data kualitatif memberikan perincian mendalam berkaitan skema taakulan akhlak yang dihasilkan.